

ISNIN • 10.10.2016

ekonomi@utusan.com.my

# UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,  
Melalui Jalan Chan Sow Lin,  
55200, Kuala Lumpur.  
E-mel: ekonomi@utusan.com.my  
Twitter: @utusanbiz  
Laman web: www.utusan.com.my



#panduanlaburASNB: Laburkan gaji anda sebaik menerimanya. Selepas itu barulah anda membayar hutang dan merancang perbelanjaan bulanan.

## Kontena Nasional diyakini kembali untung

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 OKT.

MMC Corporation Bhd. (MMC) yakin Kontena Nasional Bhd. (Kontena Nasional), akan kembali mencatatkan keuntungan seawal tahun depan, sekali gus bakal menghentikan kerugian yang dialami oleh syarikat logistik itu secara berterusan dalam tempoh lebih lima tahun. Pengarah Urusan Kum-



**CHE KHALIB MOHAMAD NOH**

pulan MMC, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh berkata, menerusi penstrukturan semula perniagaan yang dilaksanakan oleh MMC telah menyaksikan prestasi kewangan Kontena Nasional semakin baik dan tidak lagi merekodkan kerugian yang besar.

Malah katanya setelah lebih enam bulan mengambil alih Kontena Nasional, kerugian syarikat itu kini semakin berjaya disembangkan dan beliau tidak menolak kemungkinan syarikat logistik itu mampu menca-



takan keuntungan pada tahun depan.

Tambahnya, antara pembaharuan perniagaan yang dibuat ialah menjadikan Kontena Nasional sebagai syarikat logistik yang lebih menyeluruh dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan, pergudangan dan pengurusan logistik.

"Walaupun sebelum ini menghadapi masalah dari segi pengurusan dan sebagainya, kita merasakan Kontena Nasional masih mempunyai peluang yang besar untuk menjadi syarikat penyelesaian logistik terbaik. "Syarikat ini telah

mempunyai jenama yang sudah terkenal dan memiliki anggota kerja yang berkebolehan. MMC mahu mengembalikan semula kegemilangan Kontena Nasional," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Lewat tahun lalu, MMC membelanjakan lebih RM1 bilion untuk membeli NCB Holdings Bhd. (NCB) daripada Permodalan Nasional Bhd. (PNB). Dengan menguasai NCB, MMC se-

langsung merupakan pemilik syarikat pelabuhan di Pelabuhan Klang, Northport dan Kontena Nasional.

Mengikut prestasi kewangan Kontena Nasional yang dilaporkan, syarikat itu mengalami kerugian bersih RM5.2 juta pada 2010 dan terus merosot kepada kerugian bersih sebanyak RM55.6 juta pada 2014, sewaktu NCB masih di bawah PNB.

Jelas Che Khalib lagi, MMC menyifatkan pemilikan Kontena Nasional serta Northport adalah beraloi terutamanya bagi menjadikan MMC sebagai syarikat pelabuhan dan logistik utama di negara ini dan peringkat serantau.

MMC syarikat pelabuhan ke-8 terbesar dunia.

MMC belanja RM1 bilion kuasai Northport dan Kontena Nasional.

Kontena Nasional tawarkan perkhidmatan pengangkutan, pergudangan dan pengurusan logistik.

Kontena Nasional alami kerugian RM55.6 juta pada 2014.





# Simposium Hartanah Utusan bongkar isu hartanah

**KUALA LUMPUR 9 Okt.** - Simposium Hartanah Utusan 2016 (SHU 2016) anjuran Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., yang berlangsung pada 15 dan 16 Oktober ini akan menjadi platform kepada orang ramai untuk memahami keadaan isu semasa pasaran hartanah.

Ketua Penyelaras SHU 2016 yang juga penggiat pejuang hartanah, Ahyat Khalissabri Ishak berkata, objektif penganjuran program itu adalah bagi membongkar rahsia dunia hartanah selain memberi pendedahan dan informasi terperinci serta meningkatkan kefahaman mengenai pembelian dan pengurusan bijak hai-hal berkaitan hartanah.

Katanya, pelbagai topik menarik dan kupasan terperinci akan diketengahkan oleh penceramah terheboh yang dibawa khas sempena penganjuran SHU 2016 kali ini.

"Topik-topik yang diketengahkan dalam simposium kali ini juga diambil daripada maklum

balas orang ramai yang ingin tahu serta memahami keadaan isu semasa pasaran hartanah ketika ini.

"Program dua hari ini akan dipadatkan dengan pelbagai maklumat, perbincangan dan penerangan terperinci mengenai industri hartanah dan dijangka mendapat sambutan menggalakan daripada orang ramai, pembeli dan persatuan pengguna," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis sidang akhbar dan penyerahan tajuan SHU 2016 di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad; Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Hassan Mohd. Noor; Pengarah Eksekutif Utusan Media Sales Sdn. Bhd., Mohd. Yazid Ahmad dan Pengarah Urusan Andaman Property Management Sdn. Bhd. (Andaman), Datuk Seri Dr. Vincent Tew.

SHU 2016 akan diadakan di

Dewan Besar, Utusan Melayu (Malaysia) Bhd. dan mereka yang berminat boleh mendaftar secara percuma dengan mengisi maklumat diri di laman Facebook Pengurusan Jenama Utusan/Kosmo. Jelas Ahyat lagi, simposium selama dua hari itu dijangka menarik lebih 2,000 peserta.

Kata beliau lagi, SHU kali ini menyaksikan seramai 15 orang penceramah yang dijemput bagi membincangkan topik-topik dan kupasan menarik antaranya Islam dan Hartanah oleh Ustaz Ghazali Ibrahim; Pengurusan Risiko Hartanah dan Pengurusan Hartanah Pusaka Islam oleh Fadhilah Abdul Aziz dan Norisah Ibrahim; Tiga Cara Yang Mudah Untuk Dapatkan Pinjaman oleh Vince Chia dan Era Mampu Milik Mewah oleh Dr. Vincent Tew.

Ujarnya, peserta juga berpeluang mengajukan soalan dalam sesi soal jawab selain turut berpeluang memenangi cabutan bertuah yang disediakan.



**PENGLUNJUNG** Simposium Hartanah Utusan 'Impian Anda, Matlamat Kami' melihat model hartanah yang dipamerkan pada tahun lalu.



**Hubungan kekeluargaan putus gara-gara harta pusaka**

**MUKA 21**

**KUALA LUMPUR** (Indeks Komposit) (-1.350) mata 1,665.380

**SINGAPORE** (Straits Times) (-9.98) mata 2,875.24

**TOKYO** Nikkei (-39.01) mata 16,860.09

**NEW YORK** Dow Jones (-12.53) mata 18,268.50

**TUKARAN MATA WANG ASING** 08.10.16

**DOLAR** 4.1535/1585

**POUND** 5.1142/1220

**EURO** 4.6199/6267

**RIYAL (100)** 113.4900/107.7400

**YEN** 3.9999/9066

**DOLAR** 3.0214/0252

**RUPIAH (100)** 0.0337/0302

## Simposium HARTANAH UTUSAN 2

Membongkar 'Rahsia' Dunia Hartanah

**15 OKTOBER** 10.00 am - 1.00 pm

**16 OKTOBER** 10.00 am - 1.00 pm

Ibu Pejabat Utusan Melayu (Malaysia) Berhad  
Jalan Utusan Off Jalan Chan Sow Lin  
Kuala Lumpur

Utusan Melayu (M) Berhad  
Kuala Lumpur

**MASUK PERCUMA**

500 peserta terawal akan menikmati produk eksklusif!

Peringkat Bersama: **Andaman**

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

**Dr. Muzni Malik Mewah**  
Pengarah Urusan Hartanah

## Pelabur mula hilang minat

**NEW YORK 9 Okt.** - Beberapa pelabur yang sebelum ini melahirkannya minat untuk menguasai kepentingan Twitter Inc., telah membatalkan hasrat tersebut ekoran pertumbuhan bilangan pemilik akaun baharu laman sosial itu semakin perlahan.

Tiga pelabur iaitu Alphabet Inc. yang memiliki Google, Salesforce.com dan Walt Disney dilaporkan telah hilang minat untuk membeli Twitter, setelah didesak oleh pelabur masing-masing untuk membatalkan niat pembelian tersebut.

Disebabkan itu, laman sosial berkenaan sedang mencari penyelesaian bagi menaikkan semula prestasi perniagaannya. Antara strategi yang diusahakan Twitter ialah perniagaan penstriman video melalui rancangan-rancangan yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen.

Antara kaedah lain yang mahu dilaksanakan Twitter ialah menjual aset-aset bukan teras, menurut individu yang rapat dengan syarikat tersebut.

Laman sosial itu baru-baru ini juga telah menjalinkan kerjasama dengan pengendali-pengendali

rancangan sukan, politik dan hiburan untuk membolehkan pemilik akaun Twitter menonton siaran secara langsung dan pada masa sama boleh memuat naik tweet masing-masing semasa rancangan sedang disiarkan.

Kaedah itu akan membolehkan Twitter meraih sebahagian daripada pendapatan iklan yang turut disiarkan semasa rancangan.

Bagaimanapun strategi tersebut dilihat masih bedesak oleh pelabur masing-masing untuk membatalkan niat pembelian tersebut. Disedak oleh pelabur masing-masing untuk membatalkan niat pembelian tersebut.

Penganalisis SunTrust Robinson Humphrey Inc., Robert Peck berkata, pertambahan pemilikan akaun baharu yang masih rendah memberi gambaran usaha yang dibuat oleh Twitter itu tidak berkesan. Bagi beliau, kerjasama itu gagal membuahkan hasil dan tidak pasti bagaimana Twitter mahu meningkatkan pengguna laman sosial itu lagi. - *AGENCI*

